



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut:

1. **KETUA PENGARAH GRED UTAMA A (TERBUKA)**

Lantikan	Tetap/ Kontrak/ Peminjaman
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Tertinggi
Jadual Gaji Minimum – Maksimum	RM9,038.00 – RM24,465.00 (Tidak termasuk elaun-elaun perkhidmatan JUSA)

2. **SYARAT MEMOHON**

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

2.1 Lantikan Tetap (diuruskan secara kenaikan pangkat).

2.2 Syarat Lantikan bagi Kontrak:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah dan tindakan tatatertib.

- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan penerbitan selain mempunyai minat yang mendalam dalam bidang bahasa, sastera dan budaya.

2.3 Syarat Lantikan Secara Peminjaman:

Pengarah Gred JUSA B dan C dari mana-mana jabatan/ agensi kerajaan yang sedang berkhidmat tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam jawatan sekarang adalah layak memohon apabila:

- Disahkan dalam jawatan dan gred sekarang;
- Mencapai tahap kecemerlangan prestasi 3 tahun terkini tidak rendah daripada 85%;
- Mendapat pelepasan daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan;
- Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan;
- Mengemukakan LNPT bagi tiga (3) tahun terakhir;
- Bebas daripada sebarang rekod jenayah dan tindakan tatatertib;
- Lulus tapisan keutuhan SPRM; dan
- Telah mengisytiharkan harta.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan perancangan dan pelaksanaan hala tuju DBP bagi memenuhi Dasar Bahasa Kebangsaan dan memacu DBP ke arah kecemerlangan dalam tiga teras utama DBP iaitu kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan.

4. CARA MEMOHON

Borang permohonan jawatan DBP (Borang PSM: 1/2020 (Pindaan Pent. 27/99)) boleh dicapai dalam laman web rasmi DBP melalui pautan **lamanweb.dbp.gov.my**. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan melampirkan dokumen-dokumen seperti yang berikut:

- (a) Resume
- (b) Salinan Sijil Kelahiran
- (c) Salinan Kad Pengenalan
- (d) Salinan Sijil-sijil Akademik dan Sijil-sijil yang berkaitan
- (e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport (tidak dikembalikan)

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
(u.p.: Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

16 Ogos 2022 (Selasa)

5. KETERANGAN AM

Calon yang berjaya disenarai pendek dan dipelawa untuk menghadiri temu duga akan diminta untuk membentangkan kertas kerja yang akan dinyatakan skop dan tajuk dalam surat panggilan temu duga. Calon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.